

Percepat beri kelulusan untuk tarik pelabur - PM

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu meningkatkan kepanantasan memberi kelulusan bagi memastikan negara menjadi tarikan utama pelabur di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, wa-

laupun negara sudah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik, namun akses kepada agenda memudah cara perniagaan perlu dipertingkatkan.

“Langkah ini perlu supaya Malaysia boleh menjadi tumpuan para pelabur di rantau ini dan memperkasa agenda memudah cara perniagaan,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-45 di

Putrajaya, semalam.

MPFN merupakan platform yang diguna pakai dalam membincangkan inti pati penting antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri melibatkan perancangan pembangunan bandar, desa dan guna tanah negara.

Menerusi MPFN, beliau turut membincangkan mekanisme kawalan dan pengurusan bagi aktiviti perlombongan

unsur nadir bumi (REE) dalam mengimbangi pulangan ekonomi serta mengambil kira aspek kemampanan alam sekitar selain tidak mengganggu kawasan hutan simpan.

“Insya-Allah, sinergi antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan terus dimantapkan bagi mewujudkan landskap perancangan pembangunan yang lebih holistik,” jelasnya.



ANWAR Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-45 di Putrajaya, semalam.